

<b>Headline</b>	<b>Sasaran tanam 500,000 pokok</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>15 Dec 2012</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Circulation</b>	<b>192,982</b>
<b>Page No</b>	<b>35</b>	<b>Readership</b>	<b>1,521,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>228 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 7,719</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 23,157</b>



# Sasaran tanam 500,000 pokok

» Nestle  
pulihara alam  
sepanjang  
Sungai  
Kinabatangan

Oleh Farah Marshita  
Abdul Patah  
farahmarshita@bharian.  
com.my

■ Kuala Lumpur

**N**estle (M) Berhad mensasarkan penanaman semula 500,000 pokok di sepanjang pinggir Sungai Kinabatangan, Sabah menjelang 2014.

Melalui Projek Nestle RiLeaf itu, usaha berkenaan diharap dapat membantu menyuburkan semula ekosistem di daerah Kinabatangan, di samping menyediakan kawasan penampungan banjir dan resapan bahan kimia dari tanah pertanian ke sungai.

Pengarah Urusan Nestle, Peter Vogt, berkata program menanam pokok kira-kira 150 meter dari gigi air itu adalah bukti komitmen syarikat berkenaan



Vogt (kiri) **menerahkan anak pokok** kepada Zoal Azhar (tengah), sambil dibantu Abdul Latif di FRIM Kepong, semalam.

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

dalam memulihara hutan akibat kegiatan pertanian dan perladangan komersial, terutama membabitkan santuari hidupan liar dan hutan simpan.

## Beli anak pokok

Katanya, melalui inisiatif berkenaan, syarikatnya turut menyokong pembinaan keupayaan komuniti tempatan dengan membeli anak pokok daripada Komuniti Anak Pokok Kinabatangan (KAPOK).

“Kini, sebanyak 34 keluarga KAPOK menjadi

pembekal kepada anak benih spesies pokok berkualiti tinggi untuk Projek Nestle RiLeaf,” katanya di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), dekat sini, semalam.

Terdahulu beliau hadir pada majlis penyerahan 100 pokok buah-buahan hutan kepada FRIM yang turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Zoal Azhar Yusof serta Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abdul Latif Mohmod.